

# PM: Pelajar Melayu perlu be

UM - 2 MAY 2000

Oleh ZULKIFLI JALIL

**K**UALA LUMPUR 1 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan pelajar Melayu bahawa negara belum cukup kuat dan terlepas daripada bahaya luar sehingga tidak memerlukan mereka mengukuhkan perpaduan di bawah pertubuhan seperti Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS).

Tegas Perdana Menteri, pendapat kononnya pelajar tidak perlu berjuang bersama adalah salah kerana negara masih memerlukan perpaduan bagi mengekalkan kekuatan bangsa.

“Walaupun (negara) berjaya sedikit hari ini dan ramai kenal orang Melayu dan Malaysia tetapi kita belum sampai tahap satu bangsa yang cukup kukuh.

“Kita bangsa terpelajar tetapi tanpa perpaduan tidak mungkin kita dapat mencapai kejayaan untuk bangsa.

“Kerana itu saya berpendapat GPMS masih releran dan diprlukan

bagi mengingatkan kejayaan (negara) tidak datang bergolek tetapi hasil perpaduan yang diterokai oleh GPMS (sejak) 52 tahun dulu,” katanya ketika berucap merasmikan Malam Semarak Perjuangan GPMS di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, malam ini.

Majlis jamuan makan malam itu diadakan sempena sambutan jubli emas gabungan berkenaan.

Hadir sama ialah Penang GPMS, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ah dan penasihat gabungan, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Menurut Perdana Menteri, sejak di bangku sekolah dan seterusnya selepas memperoleh kelulusan, orang Melayu tidak boleh lupa bahawa menerusi perpaduanlah, akan wujud kekuatan.

Menyorot kembali perjuangan GPMS 52 tahun lalu, Dr. Mahathir berkata, pelajar pada masa itu percaya menerusi perpaduan, rakyat pelbagai kaum boleh hidup bersama dan aman.

Menurutnya, pemimpin-pemimpin GPMS ke-

tika itu mengharapkan pemerintahan Malaysia selepas itu dapat memberi bantuan supaya pelajar tidak perlu berusaha sendiri untuk membiayai pengajian.

“Malangnya (hari ini) setelah tidak ditekan dari luar, barisan kita (perpaduan pelajar) tidak begitu rapat lagi.

## Sumbangan

“Dengan itu, selepas berjaya membentuk kerajaan, diberi biasiswa dan kuota (masuk universiti), perasaan terhimpit dan tertindas sudah hilang.

“Bila kedua-dua perasaan ini tiada, mereka tidak lagi berasa terancam dan tidak mengutamakan perpaduan. Sebab itu, semakin berjayanya negara kita, kita dapati semakin renggang jarak hubungan antara pelajar dan yang lain,” katanya.

Menurut Dr. Mahathir, kerana itu, tidak ramai penuntut menyertai GPMS dan yang menganggotainya ialah mereka yang masih percaya gabungan itu mempunyai peranan untuk menjayakan bangsa mereka.

“Saya berdoa GPMS akan terus wujud dan aktif serta terus memberi sumbangan untuk menjadikan bangsa Melayu terus dihormati di seluruh dunia,” katanya.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut menyampaikan anugerah kepada tiga tokoh GPMS, iaitu Dr. Siti Hasmah, Datuk Paduka Abdul Wahab Ariff dan Tan Sri Ainuddin Abdul Wahid.

Beliau juga melancarkan Agenda 20 GPMS yang merupakan pelan bertindak, yang akan dikaji setiap lima tahun sekali untuk membangunkan generasi pelajar mendepani cabaran masa depan.

Dana GPMS yang bertujuan membiayai biasiswa pelajar turut dilancarkan dan derma kilat yang dibuat berjaya mengutip sumbangan berjumlah RM1,160,000 daripada seorang individu (RM-100,000) dan syarikat England Optical Group Malaysia Berhad (RM-1,060,000).